KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

OPERASI KEDAI TENAGA DAN BACAAN METER ELEKTRIK TENAGA NASIONAL BERHAD DITERUSKAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH DARURAT DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Merujuk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada Rabu, 13 Januari 2021 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sukacita saya memaklumkan bahawa semua operasi Kedai Tenaga dan bacaan meter elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan diteruskan seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Darurat dan PKP dengan mematuhi kesemua prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Di samping itu, semua perkhidmatan pembekalan elektrik yang lain seperti penyambungan bekalan baharu, pembaikan kerosakan dan perkhidmatan pelanggan TNB *CareLine* di talian 15454 serta *Facebook* TNB *CareLine* berjalan seperti biasa. Sepanjang tempoh PKP ini juga, tiada pemotongan bekalan elektrik dilaksanakan oleh TNB demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan pengguna.

Bagi urusan transaksi atau pembayaran, saya menasihatkan pihak pengguna untuk menggunakan kemudahan transaksi dalam talian yang boleh dicapai menerusi laman sesawang TNB dan aplikasi myTNB. Sekiranya terdapat sebarang masalah atau pertanyaan lanjut, pihak pengguna bolehlah terus menghubungi TNB melalui saluran-saluran yang telah saya nyatakan tadi.

Saya juga ingin menasihati dan memberikan panduan kepada semua pengguna untuk mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah dan cekap sepanjang tempoh PKP kerana dijangkakan penggunaan elektrik isi rumah akan meningkat lebih tinggi daripada kebiasaan sebagaimana yang telah dialami semasa tempoh pelaksanaan PKP terdahulu. Ini berikutan ramai pengguna mematuhi arahan duduk di rumah, bekerja dari rumah dan anak-anak pula menghadiri sesi pembelajaran secara dalam talian.

Antara tindakan yang boleh diamalkan di rumah adalah seperti mematikan suis peralatan elektrik, seperti komputer selepas selesai menggunakannya dan tidak membiarkan penghawa dingin, kipas dan lampu terpasang dalam bilik yang kosong. Pengguna boleh mendapatkan maklumat mengenai panduan penggunaan elektrik yang cekap di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga dan TNB.

Saya juga menyarankan agar pengguna elektrik memanfaatkan Program SAVE 2.0 untuk mendapatkan e-rebat RM200 bagi membeli penyaman udara dan peti ais cekap tenaga sebagai langkah menjimatkan bil elektrik di rumah masing-masing.

YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

13 JANUARI 2021